

# Permohonan penting diutamakan — Mahathir

**BATU PAHAT, Selasa, 15 OCT 1975** Kementerian Pelajaran terpaksa mengutamakan permohonan mendapatkan bangku, meja atau bangunan sekolah yang baru dari padang permainan, makmal atau piano, demikian kata Menteri Pelajaran, Dr. Mahathir bin Mohamed hari ini.

Katanya, keperluan sekolah-sekolah luarbandar adalah jauh berbeda dari sekolah-sekolah di bandar.

Oleh itu, Kementerian terpaksa menimbang segala permohonan dengan teliti dan menegerakan permohonan yang benar-benar wajar, tamtahnya.

Dalam ucapan yang di sampaikan oleh Ketua Setiausaha Kementerian Pelajaran, Encik Abdul Kadir Talib di perjumpaan Hariraya Persatuan Ibubapa dan Guru Sekolah Rendah Convent di sini beliau berkata:

"Penilaian ini perlu memandangkan keperluan sesebuah sekolah berlainan dengan sekolah lain.

Menurut beliau, keperluan sekolah dibandar tidak sama dengan luarbandar.

"Mereka lebih banyak memerlukan dewan, padang permainan, piano dan makmal.

"Tetapi di luarbandar masalah atau permintaan lebih banyak tertumpu kepada bangunan sekolah yang baru kerana keadaan sekolah sekarang uzur, bangku dan meja."

Oleh kerana itu, tambah beliau, Kementerian terpaksa membuat penilaian terhadap permohonan tersebut dan berlagak sebagai orang tengah.

"Kita terpaksa memberi perhatian lebih dalam hal bangku, meja dan sekolah yang uzur dari yang lain.

"Permohonan yang lain kami ketepikan buat sementara dan akan kami tunaikan apabila mempunyai peruntukan lebih," tambah beliau.

Dr. Mahathir kemudi-



DR. MAHATHIR

an menyatakan rasa gembira kerana ketika ini hampir semua sekolah mempunyai persatuan ibubapa dan guru.

Beliau juga gembira kerana persatuan-persatuan itu berjaya menjalankan berbagai aktiviti untuk faedah semua pihak.

Beliau mengingatkan, setiap kegiatan yang dijalankan hendaklah bercorak konstratif yang boleh memberi faedah kepada masyarakat.

Beliau kemudian mengesa para guru dan ibubapa mengajar murid dan anak-anak mereka supaya mempunyai semangat Rukun Tetangga.

"Semangat ini penting untuk kanak-kanak itu supaya apabila dewasa, mereka mempunyai rasa cintakan negara dan bangsa," tambah beliau.